

02 FEBRUARI 2018

## 7 beradik penagih

setempat | 11

# 7 BERADIK PENAGIH

■ Terjebak dadah selepas kematian bapa 4 tahun lalu

Zuliaty Zulkiffli  
am@hmetro.com.my

**Alor Setar**

**U**sinya baru 10 tahun, namun seorang kanak-kanak terpalit 'noda' apabila terabit penyala-hgunaan dadah bersama-sama enam adik-beradiknya.

Perkara itu terdedah hasil ujian saringan air kencing dilakukan anggota Agenси Antidadah (AADK) negeri ketika memeriksa rumah keluarga itu di Desa Keda, Kampung Bukit, Pokok Sena, dekat Sinx, semalam.

Ikon AADK Kedah, Dr Zaki Zamani Abd Rashid berkata, pihaknya terkejut dan sedih mengetahui perkara itu apabila lagi kanak-kanak terabit sepatusnya dilindungi dan dijaga kakak dan abangnya.

Beliau berkata, pihaknya bersama AADK Kota Setar dan Pokok Sena yang diketuai Ketua Unit Pencegahan AADK Kota Setar, Suria Azlina Shaarin, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) dan penghulu Bukit Lada melakukan pemeriksaan di rumah tujuh beradik itu, jam 10 pagi semalam.

"Hasil ujian saringan awal air kencing mendapati tujuh beradik

berusia 10 hingga 30 tahun itu positif dadah.

"Mereka mempunyai lapan adik-beradik, tetapi kakak sulung tinggal di negeri lain, manakala abang kedua berusia 30 tahun yang bekerja sebagai pengawal keselamatan mutu terjebak dengan dadah selepas kematian bapa mereka empat tahun lalu.

"Bermula dari situ, adik-beradik lain turut menagih dadah dan dua daripadanya perempuan termasuk seorang yang menjadi ibu tunggal," katanya ketika dihubungi semalam.

Dr Zaki Zamani berkata, tujuan pemeriksaan bagi menyelamatkan tujuh beradik itu daripada terus hanyut dengan dadah.

Katanya, sebelum ini, kanak-kanak itu belajar di sebuah sekolah di Padang Terap dan tinggal di asrama, tetapi disebabkan tidak seselsa tinggal di situ, dia pulang ke rumah dan tinggal bersama adik-beradiknya.

"Difahamkan, dua kakak dan empat abangnya itu adalah anak ibu lain yang sudah meninggal dunia akibat kanser 10 tahun lalu, manakala kanak-kanak itu adalah adik daripada ibu baru, namun wanita itu tidak pernah datang menjenguk.

"Abang keempatnya masih diremaja AADK selepas ditahan minggu lalu kerana terhabit dadah manakala yang keenam dan ketujuh yang berusia 16 dan 17 tahun sudah tidak bersekolah," katanya.

Dr Zaki Zamani berkata, dua beradik perempuan yang berusia 25 dan 22 tahun pula tidak bekerja, namun semua mereka ditanggung oleh abang kedua mereka yang juga menagih dadah.

Katanya, kanak-kanak itu kini dijaga JKM dan ditempatkan di wad kanak-kanak Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) untuk rawatan lanjut, manakala dua remaja lelaki berusia 16 dan 17 tahun itu dibawa ke HSB untuk mendapatkan rawatan sebagai pesakit luar.

"Empat beradik yang lain pula berada di bawah pengawasan AADK dan akan melhat sama ada perlu dihantar ke pusat pemuliharaan atau sebaliknya."

"Terdahulu, kami turut memberi kaunseling kepada mereka untuk memastikan mereka tidak mengambil dadah pada masa akan datang," katanya.

**FAKTA**  
Tujuh beradik terabit berusia 10 hingga 30 tahun



ENAM daripada tujuh beradik yang didapati positif dadah dalam pemeriksaan di sebuah rumah di Desa Keda, Kampung Bukit.